

Mahathir hurai peranan utama Pemuda

'Perjuangkan yang benar dan baik'

B. H. - 4 JUL 1980

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata Pemuda UMNO tidak boleh mengutamakan isu-isu yang popular sahaja dalam perjuangannya tanpa menghirau nasib bangsa, agama dan tanahair.

Katanya, Pemuda tidak harus terikut-ikut

dengan yang popular sahaja kerana yang disukai ramai tidak semestinya baik.

Menurut beliau, penilaian perlu dibuat tentang baik buruknya sesuatu amalan atau aliran dalam masyarakat dan setelah ditentukan yang mana baik serta buruk, yang baik itulah perlu disokong dan diperjuangkan, walaupun ia tidak popular.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang patut dimainkan oleh Pemuda ialah menghidupkan semula nilai-nilai yang baik di kalangan masyarakat.

"Peranan ini memang lebih sukar dimainkan dengan berkesan. Ia memang tidak hebat dan tidak popular, tetapi ia lebih penting untuk kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat," tambahnya.

Katanya, Pemuda harus berani bukan sahaja

Mahathir, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata demikian semasa merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, hari ini.

Beliau berkata, memilih yang mudah dan popular adalah satu bukti kelemahan, kerana nilai baik memang tidak secocok dengan nafsu.

Katanya lagi, peranan

memperkatakan yang benar dan baik, tetapi juga memperjuangkannya.

"Pemuda harus perangi nafsu yang selalu mendorong kepada yang mudah dan sedap, seperti menyalahkan orang lain dan Kerajaan, sebaliknya memikul bersama beban menegakkan yang benar," katanya lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, cuma dengan keberanian memperjuangkan nilai dan amalan yang baik sahaja, barulah masyarakat kita akan menjadi kukuh dan boleh menyelamatkan kita dari segala bahaya.

Diejek2

Alliran ini, tambah beliau, memang tidak akan menjadikan Pemuda sasaran perhinaan akhbar dan orang

ramai, sebaliknya mungkin dihina dan diejek-ejek oleh kumpulan tertentu.

Katanya lagi, Pemuda tidak harus takut atau kecewa dalam memperjuangkan yang benar dan baik.

Beliau mengingatkan, memang lebih ramai yang berminat jika Pemuda menjadi juara orang yang gagal. Yang penting bukan kegagalan, tetapi keputusan yang adil.

Tegasnya lagi, Pemuda harus di barisan hadapan dalam mempertahankan dan memperjuangkan nilai serta ajaran Islam.

"Kita harus melengkapkan diri dan tentukan keselamatan kita tidak diganggu-gugat, kerana adanya kumpulan-kumpulan serpihan yang sengaja membuka jalan untuk musuh Islam menapak dan menakluki kita," katanya.

Contoh

Mengenai Wanita UMNO pula, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru pergerakan itu menentang segala kegiatan yang cuba memecahbelah dan melemahkan kaum wanita.

Dalam ucapan lebih sejam itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menyentuh tentang pergolakan-pergolakan politik dan

ekonomi di seluruh dunia, khususnya di Asia Tenggara dan di Asia Tengah.

Katanya, pergolakan politik dan ekonomi di seluruh dunia harus diambilkira sebagai contoh dan asas perancangan kita.

Beliau juga menyentuh golongan-golongan yang cuba memesongkan ajaran Islam dari syariahnya yang sebenar.

Dalam hal ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, ada golongan yang begitu asyik kononnya mengejar syurga di akhirat sehingga mereka cuba mengubah agama Islam dari satu agama yang pragmatik dan toleran kepada satu agama yang ritualistik dan dogmatik.

"Mereka bukan sahaja cuba menjadikan yang sunat itu wajib dan yang wajib itu sunat, tetapi mereka rekabentuk berbagai ibadat yang tidakpun menjadi ibadat dalam agama Islam," ujarnya.